

GELAS SEPARUH PENUH

Nur Fatehah Binti Mohd Fauzi

Universiti Sains Islam Malaysia

Tarikh diterbitkan: 9 Februari 2021

Safiyah menghela nafasnya, berat. Perlahan-lahan duduknya dilabuhkan di tepi batu sungai yang besar itu. Kemudian, kedua-dua belah kakinya dilipat naik ke atas. Kedua-dua lengannya di bawa memeluk lutut. Wajahnya ditekup pada kepala lutut. Matanya dipejam rapat. Mulutnya kemas dikemam. Tidak mahu mana-mana makhluk Tuhan terdengar esak tangisnya di tengah malam. Apa yang dia tahu, dia mahu berseorangan di saat ini.

Kepalanya diangkat daripada tekupan di lutut. Tangannya naik mengelap sisa air mata yang ditangisnya sebentar tadi. Nafas dihela perlahan sekali lagi. Tunak matanya memandang air sungai yang mengalir tenang di waktu malam. Kedinginan mula mencengkam hampir ke tulang hitam. Baju panas yang dipakainya dirapatkan ke tubuh supaya terasa sedikit haba. Dia rasa tenang seketika. Safiyah larut dalam menungan.

“Seorang saja?” Satu figura melabuhkan duduk pada sebuah lagi batu besar yang berjarak kurang dari 50 sentimeter daripadanya. Agak rapat, tetapi masih boleh nampak ruang yang memisahkan dua batang tubuh.

‘Siapalah kacau aku nak bercinta dengan alam tengah-tengah malam buta ni?’ Safiyah mendengus geram. Dahinya sedikit berkerut tanda tidak suka. Dia buat tidak tahu saja dengan persoalan yang ditujukan tidak lain tidak bukan, hanya kepadanya. Iyalah, semua sedang tidur, sudah lewat malam. Lagipun, esok pagi ada aktiviti meredah hutan. Dia saja yang gatal kaki keluar daripada khemah. Penat bersungut tidak boleh tidur, akhirnya dia keluar daripada khemah dan termenung di tepi sungai.

“Hello? Dengar tak?” Figura tersebut cuba menarik perhatian Safiyyah kembali.

“Kau nak apa? Boleh pergi tidur tak? Dah lewat malam ni. Karang cikgu ronda nampak kita berdua kat sini, sia-sia saja kena tuduh yang bukan-bukan.” Dingin nada Safiyyah membalas, sedingin cuaca malam.

Jujurnya, Safiyyah masih penat. Penat kena maki habis pertandingan pidato tadi pun belum habis lagi. Dia terpaksa tunggu sehingga majlis penyampaian hadiah berakhir baru dia boleh pulang. Kemudian, dia kelam-kabut menyusun barang untuk ke kem pengawas yang dijadualkan berlangsung pada petang harinya pula. Malam sebelumnya dia tidak sempat untuk menyusun barangan kem kerana sibuk menyiapkan diri untuk pertandingan pidato tersebut. Walaupun sudah sebulan dia berusaha untuk menyiapkan diri.

“Kau okey?” Tanya Hud prihatin. Sejak tiba di tapak kem lagi dia perhatikan kelakuan Safiyyah. Dia pasti, Safiyyah masih menahan rasa sedih dengan apa yang terjadi ketika pertandingan tadi. Muka gadis itu sangat ketat. Cikgu hendak tegur untuk minta tolong pun tidak berani. Padahal gadis manis itu seorang yang ringan tulang. Kalau diminta pertolongan, pasti bersambut.

Safiyyah hanya diam. Membayangkan punca dia kepenatan jasad dan rohani, membuatkan dia rasa ingin kembali menangis. Matanya dipejamkan rapat. Sebak mula mengasak dada. Dia betul-betul tak tahan. Air matanya mengalir juga akhirnya. Dari linangan air mata yang sunyi, terus berubah menjadi esakan halus. Hud di sebelah sudah mula terasa seram. Dan serba salah.

Usai pertandingan dan bersalaman dengan peserta yang lain, Safiyyah berjalan menuju ke arah guru pelatihnya. Sekarang sudah masuk waktu rehat sebelum acara penyampaian hadiah bermula tengah hari nanti. Sambil itu, kedua-dua tangannya diramas-

ramas perlahan. Teringatkan kesalahan yang dia lakukan sebentar tadi. Bibir, jari tangan dan jari kakinya mula terasa kesejukan. Takut.

“Kamu ni bangang ke apa?!” Tiba saja Safiyyah di hadapan guru itu, terus dimakinya dia hadapan orang ramai. Mujur yang tinggal hanyalah beberapa orang wakil sekolah yang sama dengannya dan juga beberapa orang penyokong. Terkejut Safiyyah dimaki sebegitu. Bahunya ter naik akibat rasa terkejut. Melantun kuat suara guru tersebut di dalam bilik pertandingan yang sudah ditutup rapat pintunya.

Kepala Safiyyah tertunduk ke bumi. Walaupun yang menyaksikan cumalah rakan sekolahnya sendiri, tetap dia berasa malu.

“Angkat muka kamu. Pandang saya bila saya tengah bercakap. Saya suruh kamu bersedia dah lama dah. Ini saja ke yang kamu dapat persembahkan? Latihan bukan main berminggu-minggu. Macam-macam topik dah diajar. Tapi sampai bahagian pidato dan soalan spontan, mulalah buat perangai. Tergagap-gagap. Kan saya dah bagi kamu tajuk untuk bersedia dengan soalan spontannya sekali? Itu pun susah sangat ke?!” Meja yang diduduki guru itu dihentak dengan tangannya. Terkejut semua sekali yang berada di situ.

Safiyyah pandang sekelilingnya. Setiap orang yang menyaksikan kejadian itu diperhatinya. Kawan baiknya juga ada datang memberi sokongan di situ. Tetapi dia hanya pegun memandang Safiyyah dari kerusi penyokong. Mungkin kerana tidak mahu memburukkan keadaan. Akhirnya, mata Safiyyah terpanah pada Hud, rakan seperjuangan bagi acara yang sama untuk kategori lelaki. Dia dapat menangkap sebutan maaf pada bibir lelaki itu. Safiyyah cuma menganggukkan kepala. Masing-masing memandang simpati kepada Safiyyah dan dia benci pandangan itu. Safiyyah tidak tipu, dia rasa malu sangat sekarang ini. Kepalanya kembali tertunduk.

“Kau masih ingat kejadian siang tadi? Aku minta maaf. Kalau bukan sebab aku cadangkan nama kau, mesti kau tak dimalukan sebegitu rupa.” Ucap Hud memecah lamunan Safiyyah. Jelas terselit nada kesal pada ucapannya. Gaya duduknya disamakan seperti Safiyyah. Dia memandang kesal kepada gadis manis itu.

Alkisahnya, disebabkan Safiyyah seorang pengawas yang sangat berdedikasi dan sangat profesional dalam mengacarakan majlis, maka Hud mencadangkan nama Safiyyah untuk menggantikan peserta yang sepatutnya bertanding pidato untuk kategori perempuan tetapi terpaksa menarik diri atas hal kecemasan. Safiyyah memang sudah menolak pada mulanya. Dia boleh bercakap depan orang ramai, tetapi mestilah berpandukan kepada teks. Sebab itulah menjadi pengacara majlis adalah minatnya.

Tetapi, mengenangkan budi baik guru tersebut dan ajakannya yang bersungguh terhadap Safiyyah, gadis itu jadi rasa tidak sedap hati untuk menolak. Jadi, dia cuba berusaha sebaik mungkin. Pagi, petang, siang, dan malam dia berlatih. Namun hasilnya, mengecewakan. Safiyyah rasa dirinya teruk. Ditambah pula apabila dia dimaki depan orang ramai. Perasaan itu, dia tidak boleh hendak gambarkan. Rasa maruah betul-betul tercalar.

“Bukan salah kau. Salah aku. Aku dah malukan diri aku sendiri. Paling teruk, aku malukan sekolah. Prestasi sekolah selama ni memang terbaik sebab wakil pidato sekolah kita orangnya sangat hebat. Aku rasa bersalah dekat Munirah sekarang ni. Dengan cikgu juga. Mesti mereka kecewa sangat dengan aku, kan? Kenapalah aku ni tak boleh jadi macam Munirah? Bukannya tak biasa bercakap di depan pun. Bezanya tiada teks saja...” Safiyyah sudah mengetuk-ngetuk dahinya dengan buku limanya sendiri. Dia menangis lagi. Duduknya di atas batu pun sudah mula tidak stabil disebabkan gerakannya yang asyik mengetuk kepala. Hud risau Safiyyah terjatuh ke dalam sungai di depan mereka. Dekat sangat kedudukan batu yang

mereka duduki dengan anak sungai tersebut. Kalau terjatuh, mesti kesejukan terus makin mencengkam diri. Silap hari bulan, boleh demam.

“Berhenti, Saf. Nanti kau jatuh pula dalam sungai tu. Dengar sini. Bukan salah kau, bukan salah sesiapa pun. Kau dah sampaikan yang terbaik. Aku yang teman kau sampai lewat petang untuk berlatih. Aku nampak kesungguhan kau cari maklumat. Kau susun ayat elok-elok. Kau rujuk orang yang lagi hebat. Untuk pusingan pertama, kau memang hebat. Kau cuma tersilap sedikit saja pada pusingan kedua. Aku rasa, kawan-kawan yang lain pun faham kau bukan jenis spontan. Kau jenis yang kumpul dulu semua maklumat, baru kau boleh sampaikan dengan berkesan.

Jadi, apa yang berlaku tadi bukan sepenuhnya salah kau. Cuma, setiap orang ada keistimewaan yang tersendiri. Kau tak boleh buat macam orang lain buat, tak semestinya kau teruk. Ini adalah fitrah. Tak semua orang boleh uruskan majlis sebagaimana cara kau uruskan majlis. Tak semua orang boleh susun ayat elok-elok sebagaimana yang kau telah lakukan. Teks pengerusi majlis sekolah, untuk segala jenis majlis pun cikgu akan cari kau. Nampak tak? Kau tak teruk, cuma kelebihan kau pada benda lain.”

Hud cuba untuk menenangkan Safiyyah. Dia cuba membuka minda gadis tentang sekecil-kecil perkara yang akan mengingatkannya kepada Tuhan. Allah itu tidak kejam. Baik atau buruk, pengalaman yang kita lalui itu adalah sebahagian daripada proses hidup. Ia bersifat alami. Perkara yang sudah terjadi, kita tidak boleh elak. Tetapi, kita boleh ambil pengajaran untuk kita perbaiki hari-hari yang mendatang.

“Tapi, kau takkan faham perasaan dimalukan depan orang. Aku punya rasa malu sampai rasa tak nak dah munculkan diri depan orang ramai.” Mulut Safiyyah tercebik sedih. Dia sudah tidak kisah ada Hud yang menyaksikan dia menangis. Apa yang dia tahu, dia cuma nak orang dengar luahannya.

“Kau tahu? Orang yang berhenti berusaha dan melepaskan sesuatu perkara itu tidak bermaksud dia kalah, tetapi sebab dia tahu apa yang lebih berharga untuk dia kejarkan dan lebih memberi kebahagiaan kepada diri dia. Jadi, berhentilah rasa sedih sebab tak dapat puaskan hati orang lain. Kita takkan pernah mampu puaskan hati semua orang. Lebih-lebih lagi bila kita masih ‘hijau’ dalam sesuatu perkara. Aku tak minta banyak, cumanya cubalah kau renungkan segala kelebihan yang kau ada selama ini. Jangan disebabkan kekurangan yang kecil tu, kau tutup mata kau daripada nikmat Allah yang lain yang Dia dah beri pada kau.” Padanlah Hud menjadi ketua Pembimbing Rakan Sebaya. Idola betul orang sebegini.

Safiyyah hanya diam. Dia cuba menghadam kata-kata Hud. Benar. Apalah sangat perkara yang terjadi siang tadi berbanding dengan segala pencapaian yang dia telah perolehi selama dia hidup ini? Dia adalah pengacara majlis pilihan orang ramai, tahu? Seawal usia 16 tahun lagi orang ramai mula menempahnya sebagai pengerusi majlis bagi pelbagai acara keramaian.

“Terima kasih...” Ucap Safiyyah sambil menyimpul senyuman nipis. Dia berasa lega sedikit.

“Kasih diterima. Pergi masuk tidur. Dah lewat sangat ni.” Ujar Hud sambil bangkit daripada duduk. Dia juga bersiap untuk kembali ke khemah.

Safiyyah tersenyum melihat Hud melangkah pergi. Itu sahaja sebenarnya apa yang dia mahukan daripada seseorang sejak siang tadi. Tempat meluahkan. Kadangkala bila punya masalah, kita cuma mahu orang mendengar luahan kita. Dan juga mungkin sedikit suntikan semangat daripada mereka. Walaupun kita tahu, kita punya Allah sebagai tempat meluahkan yang terbaik. Cumanya, ia sebagai memenuhi fitrah manusia yang mahukan sesuatu yang zahir jasadnya untuk memahami resah di hati kita.

Terlalu sedikit masa untuk kita meratapi momen derita. Manusia tidak sempurna, itu hakikatnya. Hidup ini tidak setiap masa menjanjikan bahagia. Jadinya kita yang perlu hargai setiap bahagia yang terbentang di depan mata. Derita yang hadir, kau peluk buat seketika. Kemudian lepaskan ia, dan sembahlah Yang Maha Esa. Bukankah akan hadir pelangi selepas hujan?